

# PENGELUARAN PENDIDIKAN

Kejar masa depan yang lebih cerah untuk anda, anak, ibu bapa atau pasangan anda



## PENGAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

Permohonan pembiayaan pengajian Pelajar



## PINJAMAN DENGAN INSTITUT PEMBERI PINJAMAN (IPP)

Permohonan penyelesaian pinjaman pendidikan Pelajar

### CIRI-CIRI

#### Pelajar

- Ahli
- Anak Ahli (anak kandung/anak tiri/anak angkat)
- Ibu/bapa Ahli (ibu/bapa kandung/ibu/bapa tiri/ibu/bapa angkat)
- Pasangan Ahli (suami/isteri)

#### Peringkat pengajian yang dibenarkan

- Program Pensijilan Tahap Tiga (3) yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran
- Diploma/Diploma Lanjutan
- Sarjana Muda/Sarjana
- Doktor Falsafah

### KELAYAKAN

#### Pemohon

- Warganegara Malaysia atau bukan Warganegara
- Belum mencapai umur 55 tahun

#### Amaun Pengeluaran

- Keseluruhan yuran semester/ yuran tahunan atau semua amaun di dalam Akaun 2 (mana yang terendah)
- Jumlah baki pinjaman pendidikan atau semua amaun di dalam Akaun 2 (mana yang terendah)

### STATUS PENGAJIAN

#### Pelajar

- Masih mengikuti pengajian
- Tamat pengajian dengan jaya atau gagal menamatkan pengajian adalah layak memohon
- Gagal/berhenti/tarik diri pengajian boleh memohon dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh tamat pengajian untuk membayar yuran tertunggak kepada IPT



## PEMBAYARAN

### Cara Pembayaran

- Kepada Ahli
- Kepada IPT
- Kepada IPP (sila rujuk senarai IPP yang dibenarkan dalam laman web KWSP)

### Kaedah Bayaran

#### Bayaran Dalam Malaysia

- Pengkreditan terus ke akaun bank (simpanan /semasa) Ahli yang aktif
- Cek Jurubank (sekiranya bayaran kepada akaun Ahli tidak berjaya)

#### Bayaran Luar Malaysia

##### Draf Bank Asing

- Matawang asing pilihan Ahli adalah tertakluk kepada jenis matawang yang disenaraikan oleh KWSP
- Jika matawang pilihan Ahli tiada dalam senarai KWSP, bayaran akan dibuat dalam matawang US Dollar

## DOKUMEN

### Dokumen Utama

- Borang Pengeluaran KWSP 9D (AHL)
- MyKad/Dokumen Pengenalan Diri (salinan/asal)
- Maklumat akaun bank ahli
- Borang KWSP 3 (Pindaan) – jika pengecaman Cap Ibu Jari (CIJ) gagal
- Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar mengikut format yang ditetapkan oleh KWSP
- Surat kelulusan pengiktirafan kursus pengajian
- Borang Pengeluaran KWSP 9D (AHL)
- MyKad/Dokumen Pengenalan Diri (salinan/asal)
- Borang KWSP 3 (Pindaan) – jika pengecaman Cap Ibu Jari (CIJ) gagal
- Penyata Baki Pinjaman Pendidikan mengikut format yang ditetapkan oleh KWSP

### Dokumen Tambahan

Rujuk Senarai Semak Dokumen dalam Borang Pengeluaran KWSP 9H (AHL) dan sebarang dokumen sokongan tambahan yang diminta oleh KWSP

### NOTA AMARAN

#### Membuat kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu

Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi tiga (3) tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya [Seksyen 59 (1) Akta KWSP 1991]

### INFO

Layari laman web rasmi KWSP untuk maklumat lanjut

